

## **KEPERLUAN AKAUNTAN BERTAULIAH MASIH KRITIKAL**



Oleh Syahirah Binti Adnan  
PensyarahJabatan Tadbir Urus Korporat  
Fakulti Pengajian Teknokorporat  
Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur

Kerajaan Malaysia telah menyasarkan seramai 60,000 orang akauntan bertauliah yang diperlukan menjelang tahun 2030. Statistik pada 1 Januari 2019 menunjukkan seramai 35,328 akauntan bertauliah yang berdaftar dengan pihak Malaysian Institute Accountant (MIA) hanyalah seramai 35,328 orang dan dari jumlah ini , 1800 merupakan akauntan bumiputera yang hanya 5% dari jumlah keseluruhan. Ini menunjukkan bahawa jumlah akauntan bertauliah Bumiputera di Malaysia masih berada di paras kurang daripada 10 peratus. Bagi sebuah negara yang mempunyai populasi Bumiputera lebih 70 peratus, jumlah akauntan bertauliah Bumiputera dikategorikan sebagai kritikal , Bernama (2019)

Memetik petikan akhbar dari New Straits Time (2015) , golongan bumiputera Melayu khususnya diseru untuk mengambil jurusan akauntan professional bagi memenuhi permintaan pasaran semasa. Tambahan pula , merujuk kepada petikan dari Ernst and Young (2015) , yang merupakan antara firma audit terbesar mereka telah menetapkan syarat minimum kemasukan calon haruslah mempunyai sijil akauntan professional dan bukan lagi “ Degree”. Ini kerana mereka berpendapat para graduan yang mempunyai sijil professional seperti Certified Accounting Technician (CAT), Certificate in Finance, Accounting and Business (CFAB) dan Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) yang lebih relevan dengan keperluan semasa.

Statistik yang sama juga dipetik Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dalam merangka Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Persoalannya, adakah pihak kerajaan benar-benar menumpukan perhatian dan melaksanakan perancangan

strategik untuk meningkatkan jumlah akauntan bertauliahan Bumiputera di Malaysia? Pelbagai usaha yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan antaranya sebanyak RM17.5 juta telah diperuntukkan kepada Malaysia Professional Accountancy Centre (MyPAC) dengan sasaran peningkatan jumlah akauntan bumiputera sehingga 30 peratus menjelang 2030. Usaha MyPAC dan Yayasan Peneraju telah mencetus minat dan penambahan bilangan mahasiswa Bumiputera untuk mengambil kursus Profesional seperti ACCA, MICPA dan lain-lain. Dengan pelbagai usaha dan inisiatif yang telah diberikan oleh beberapa pihak ini , diharapkan dapat meningkatkan peratusan akauntan bumiputera khususnya yang semakin kritikal dipasaran semasa.

## Rujukan

1. Siti Fatimah (2019). Akauntan Bertauliahan Bumiputera kurang 10 peratus , masih kritikal
2. New Straits Time (2015, Februari 12). Bumi's urged to take up accounting
3. Ernst and Young (2015). Ernst and Young removes degree classification from entry criteria as there's no evidence university equals success